


→ TRAGEDI

LIMA DIHANYUT ARUS DI SUNGAI GASI



[FOTO MAHZIR MAT ISA/BH]

Mayat seorang lelaki dijumpai pada jam 9 malam tadi di Jalan Haji Baie Kampung Paya Jaras.

Dalam laporan itu, kedua-dua lelaki terbabit memaklumkan mereka pergi ke lokasi itu bersama isteri masing-masing, sebelum dihanyutkan arus deras sungai berikutan air pasang”

S Somu,
Ketua Polis Daerah Sungai Buloh

Lima kaki pancing dihanyut arus

→ Mayat seorang mangsa ditemui 7km dari lokasi

nita dilaporkan hilang dibawa arus. Pada jam 9 malam tadi, mayat seorang lelaki dipercayai daripada kumpulan pemancing berkenaan ditemui kira-kira tujuh kilometer (km) dari lokasi kejadian. Bagaimanapun, identitinya belum dikenal pasti. Setakat jam 11 malam tadi, empat lagi pemancing belum ditemui.

Terima tiga laporan
Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan S Somu, berkata pihaknya menerima tiga laporan daripada tiga lelaki berusia antara 30 hingga 50 tahun yang terselamat dalam kejadian itu. Katanya, dua daripada mereka ke lokasi itu bersama isteri masing-masing berusia 30 dan 48 tahun serta dua rakan pasangan anak beranak berusia 37 dan 14 tahun, sebelum dihanyutkan arus deras sungai berikutan air pasang. “Pada masa sama, seorang lelaki warga Indonesia yang terselamat memaklumkan seorang rakannya hilang dalam kejadian itu,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, malam tadi. Somu berkata, berdasarkan maklumat awal, beberapa kumpulan pemancing lain turut berada di lokasi berkenaan. “Kami dimaklumkan ada sekumpulan pemancing warga asing berada di lokasi berkenaan dan dikhuatiri turut lemas. “Kerja mencari dan menyelamat dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor giat dijalankan untuk mengesan mangsa,” katanya. Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung ahli keluarga yang keluar memancing di daerah itu tetapi belum pulang, diminta menghubungi polis.

Oleh **Mohd Hasbi Sidek dan Kalbana Perimbanayagam**
bhnews@bh.com.my

↳ **Sungai Buloh**

Pautan di pokok bawah jambatan tidak memadai apabila arus deras menghanyutkan lima pemancing di Sungai Gasi berhampiran Kem Paya Jaras Markas Angkatan Tentera Malaysia, Rejimen Perhubungan Strategik di sini, petang semalam. Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, lima pemancing termasuk dua wa-

ايركسفو ترنگانو 2018

EKSPON TERENGGANU

#TerengganuMolekDah 2018

25 FEBRUARI - 3 MAC 2018

PEKARANGAN KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU
KUALA NERUS, TERENGGANU DARUL IMAN

PAMERAN PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU

PAMERAN KLUSTER | T-KITCHEN | FOOD TRUCK | JUALAN RAKYAT | TALK SHOW
TEMUDUGA TERBUKA | FORUM PERDANA HAL EHWAL ISLAM | SOUND OF TERENGGANU
AKTIVITI PERMOTORAN | MINI ZOO | RAMAH MESRA BERSAMA SELEBRITI & ATLET
PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN | JUALAN PRODUK IKS & PERTANIAN

PAKAK MARI KAMAI-KAMAI!

PELBAGAI HADIAH HEBAT MENANTI ANDA!